

ABSTRAK

Kajian yang dilakukan ini adalah untuk melihat perlaksanaan tugas organisasi bahagian pengkatalogan/pemerosesan teknikal pada masa sekarang. Sejumlah 94 responden telah dipilih dan sebanyak 74 borang soal selidik telah dikembalikan. Jawapan yang diterima menunjukkan bahawa pustakawan pengkatalogan di pelbagai jenis perpustakaan di Malaysia masih menjalankan tugas-tugas tradisional di samping tugas-tugas pentadbiran dan pengkomputeran. Di samping itu pelbagai bentuk bahan maklumat perlu dikatalog.

Dengan pertambahan tanggungjawab tersebut, kakitangan separa profesional/sokongan telah diberi kepercayaan melakukan tugas-tugas pengkatalogan mudah dan salinan, biarpun kadang kala mereka juga melakukan pengkatalogan asal. Ini menunjukkan satu perkembangan yang positif dalam perlaksanaan tugas di dalam bidang pengkatalogan. Biarpun begitu pustakawan pengkatalogan masih diperlukan untuk memantau dan membantu tanggungjawab yang telah diturunkan kepada golongan tersebut.

Manakala tugas pengkatalogan secara *outsource/kontrak* masih belum dapat menarik minat perpustakaan-perpustakaan di Malaysia. Walaubagaimana pun tidak mustahil pengkatalogan secara *outsource/kontrak* akan dilaksanakan kerana berdasarkan soalselidik, pustakawan pengkatalogan berpuas hati dengan kewujudan perkhidmatan tersebut. Daripada soalselidik juga, dijangkakan perpustakaan akademik akan mendahului di dalam melakukan pembaharuan organisasi pengkatalogan tersebut. Terdapat 2 buah buah perpustakaan akademik yang telah membuat pengkatalogan secara *outsource*.

Justeru itu, masih menjadi tanggungjawab pustakawan pengkatalogan bagi memastikan kualiti katalog berada di taraf yang tinggi. Pembaharuan tugas dan tanggungjawab yang dilakukan di organisasi bahagian pengkatalogan dapat meningkatkan kualiti kerja pustakawan pengkatalogan dan kakitangan separa profesional/sokongan.